



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2010=100)

FEBRUARI 2014

February 2014



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI**

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), FEBRUARI 2014

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Februari 2014 meningkat 0.8 peratus berbanding Januari 2014.
2. Peningkatan sebanyak 12.7 peratus telah dicatatkan bagi Pakaian dan Kasut disebabkan oleh kenaikan harga bagi bahan pakaian, beberapa jenis pakaian terpilih, dan kasut. Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah meningkat 1.4 peratus disebabkan oleh harga yang tinggi bagi perabot, tekstil isi rumah, dan peralatan dan perkakas rumah. Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan juga meningkat 1.6 peratus disebabkan oleh harga yang tinggi bagi barangan penjagaan diri, produk kecantikan, barangan kemas dan beg perjalanan.
3. Sementara itu, penurunan telah dicatatkan bagi Pengangkutan disebabkan oleh penurunan harga bagi basikal, alat ganti dan aksesori kenderaan yang terpilih serta perkhidmatan pengangkutan melalui udara. Komunikasi juga menurun disebabkan oleh harga yang rendah bagi harga telefon dan peralatan telefaks.
4. IHP bagi Februari 2014 meningkat kurang dari 0.05 peratus berbanding Februari 2013 yang mana sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan indeks Restoran dan Hotel; Pendidikan; dan Pakaian dan Kasut.

5. IHP ini adalah petunjuk bagi mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa tertentu. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berasaskan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Februari 2014 boleh didapati melalui laman web JPKE: www.depd.gov.bn.



**MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
PRIME MINISTER'S OFFICE**

CONSUMER PRICE INDEX (CPI), FEBRUARY 2014

1. *The Consumer Price Index (CPI) for February 2014 increased by 0.8 per cent over January 2014.*
2. *An increase of 12.7 per cent was recorded in Clothing and Footwear due to the higher prices of clothing materials, garments, and shoes and footwear. Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance increased by 1.4 per cent due to higher prices of furniture, household textiles, household appliances and utensils. Miscellaneous Goods and Services also increased by 1.6 per cent due to higher prices of articles for personal hygiene, beauty products, jewellery, and travel goods and bags.*
3. *On the other hand, a decrease was recorded in Transport due to the lower prices of bicycles, spare parts and accessories of vehicles as well as passenger transport services by air. Communication decreased by 0.3 per cent due to lower cost of telephone and telefax equipment.*
4. *CPI for February 2014 increased by less than 0.05 per cent compared to February 2013, largely due to the higher index for Restaurant and Hotels; Education; and Clothing and Footwear.*

5. *CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey. The CPI full report for February 2014 is available from JPKE's website: www.depd.gov.bn.*